

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA
No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562
No. Fax : 03-8882 5569

PERKHIDMATAN PERLU SEKTOR PERDAGANGAN PENGEDARAN YANG DIBENARKAN BEROPERASI SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) BERMULA 1 HINGGA 14 JUN 2021 DI SELURUH NEGARA

PUTRAJAYA, 31 MEI 2021 – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil maklum keputusan Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara : Pengurusan COVID-19 pada 28 Mei 2021 untuk mengenakan penutupan penuh sektor ekonomi dan sosial diseluruh negara bermula pada 1 hingga 14 Jun 2021. Sepanjang tempoh tersebut, semua sektor tidak dibenarkan beroperasi kecuali sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu yang disenaraikan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Seterusnya, susulan daripada pengumuman oleh YB Menteri Kanan Pertahanan pada 30 Mei 2021 berkaitan senarai perkhidmatan perlu yang dibenarkan beroperasi dalam tempoh **total lockdown** tersebut, terdapat **sepuluh (10) perkhidmatan perlu termasuk stesyen minyak telah disenaraikan sebagai perkhidmatan perlu dibawah sektor perdagangan pengedaran**. KPDNHEP sebagai kementerian yang mengawal selia sektor perdagangan pengedaran termasuk peruncitan, pemborongan dan pengedaran telah mengemaskini SOP Sektor Perdagangan Pengedaran PKP yang sedia ada seperti berikut:

Aktiviti	Kapasiti Pekerja	Prosedur Operasi Standard (SOP)
<p>Premis pasaraya/ pasaraya besar, <i>departmental store</i> TERHAD kepada makanan dan minuman/ keperluan asas, kedai farmasi/ penjagaan diri dan kedai serbaneka/ <i>mini mart</i> dan restoran di kompleks membeli belah.</p>	100%	<p>Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan dengan penetapan satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter per persegi;</p>
<p>i. Pasaraya/ pasaraya besar terhadap kepada seksyen makanan dan minuman/ keperluan asas.</p> <p>ii. <i>Departmental store</i> terhadap kepada seksyen makanan dan minuman/ keperluan asas.</p> <p>iii. Kedai farmasi/ penjagaan diri</p> <p>iv. Kedai serbaneka/ <i>mini market</i></p> <p>v. Kedai Runcit</p>	100%	<p>Mewajibkan had jumlah pelanggan dalam satu-satu masa mengikut keluasan premis perniagaan dengan penetapan satu (1) orang bagi setiap empat (4) meter per persegi;</p> <p>Pusat Pengedaran (<i>Distribution Centre</i>) tertakluk kepada waktu operasi biasa.</p>
Restoran	60%	<i>Dine-in</i> tidak dibenarkan.
Dobi (termasuk layan diri)	60%	Memberi tugas kepada sekurang-kurangnya seorang pekerja untuk

		memastikan kawalan keluar masuk pelanggan bagi dobi layan diri
<i>Other Specialty Retail Stores</i> <ul style="list-style-type: none"> • Stesen minyak 	60%	Kedai serbaneka di stesen minyak beroperasi antara 8.00 pagi - 8.00 malam.
Kedai penjagaan haiwan/ makanan haiwan	60%	Hanya aktiviti jual beli produk penjagaan dan makanan haiwan sahaja dibenarkan
Kedai cermin mata dan barang optik	60%	Hanya aktiviti jual beli dan pembaikan cermin mata sahaja dibenarkan
Kedai <i>hardware</i>	60%	Hanya aktiviti jual beli produk <i>hardware</i> sahaja dibenarkan. Pemasangan dan pembaikan di rumah tidak dibenarkan
Bengkel kenderaan, penyelenggaraan dan alat ganti	60%	Perkhidmatan cuci kenderaan tidak dibenarkan
E-dagang bagi semua kategori produk	100%	Pusat Pengedaran (<i>Distribution Centre</i>) tertakluk kepada waktu operasi biasa.

Pemborongan dan Pengedaran bagi kategori produk perkhidmatan perlu sahaja.	100%	Pusat Pengedaran (<i>Distribution Centre</i>) tertakluk kepada waktu operasi biasa.
--	------	---

Semua aktiviti perkhidmatan perlu sektor perdagangan pengedaran ini dibenarkan beroperasi dari jam 8.00 pagi ke 8.00 malam kecuali bagi stesen minyak dari jam 6.00 pagi ke 8.00 malam dan stesyen minyak di lebuhraya bertol yang dibenarkan beroperasi 24 jam.

Sepanjang tempoh pelaksanaan PKP ini, surat kebenaran beroperasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebelum ini adalah terbatal bermula 1 Jun 2021. **Semua perkhidmatan perlu dibawah sektor perdagangan pengedaran tersebut perlu mendapatkan surat kebenaran operasi daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP). Permohonan surat kebenaran operasi boleh dibuat melalui laman web <https://www.kpdnhep.gov.my> bermula pada 31 Mei 2021 (Isnin).**

SOP Sektor Perdagangan Pengedaran PKP yang dikemaskini dan Soalan Lazim (FAQ) Sektor Perdagangan Pengedaran juga boleh didapati di laman web <https://www.kpdnhep.gov.my>. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi **Sekretariat Perdagangan Pengedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP)** di talian hotline **03-88826322/6587** atau melalui emel kepada roa@kpdnhep.gov.my

**YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi,
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
Putrajaya, 29 Mei 2021**

LATAR BELAKANG

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) telah ditubuhkan pada 27 Oktober 1990. Matlamat penubuhan Kementerian adalah untuk menggalakkan pembangunan perdagangan dalam negeri yang berdaya maju, berdaya saing, dan berdaya mampan, khususnya di dalam sektor perdagangan pengedaran.

Sektor perdagangan pengedaran adalah antara penyumbang utama KDNK negara dan ia bertindak sebagai benteng kestabilan ekonomi, terutama semasa situasi ekonomi luaran berada di dalam keadaan ketidakpastian. Perdagangan pengedaran perlu kukuh bagi menampai sebarang ketidakstabilan dalam ekonomi negara.

Dalam masa yang sama, Kementerian juga komited dalam melindungi kepentingan dan hak-hak pengguna. Ini termasuk membangunkan ekosistem pengguna dan peniaga yang bersifat melengkap dan ke arah *self-regulated*, seiring dengan aspirasi ke arah masyarakat negara maju. Ia diharapkan akan melahirkan pengguna dan peniaga yang matang dan beretika dalam mengurusniaga, dan hasilnya adalah negara yang seimbang dari segi ekonomi dan sosial.

Agensi di bawah KPDNHEP:

